

SOALAN NO:

441

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : TUAN WONG CHEN [ KELANA JAYA ]**  
**RUJUKAN : BL7 [PR-1342-T74441]**  
**SOALAN :**

**Tuan Wong Chen [ Kelana Jaya ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan jumlah perbelanjaan yang telah diperuntukkan bagi keselamatan penunggang basikal di jalan raya dan pembinaan laluan khas pengguna basikal.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kelana Jaya, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sentiasa menyediakan peruntukan bagi tujuan pembinaan laluan basikal yang diterima pakai daripada Garis Panduan Kejiranan Hijau Jabatan Perancang Bandar dan Desa serta inisiatif kejiranan hijau.

Pada tahun 2016, sebanyak RM2 juta telah diperuntukkan untuk cadangan pembinaan laluan basikal di Parlimen Bandar Tun Razak, Wangsa Maju, Segambut dan Setiawangsa. Pada tahun 2014 dan 2015 pula terdapat 3 projek pembinaan laluan basikal dari Dataran Merdeka ke Mid Valley, Taman Meiasi dan Kampong Batu Muda.

Matlamat utama rancangan mengujudkan rangkaian laluan basikal adalah untuk meningkatkan alam sekitar yang lebih hijau atau segar bila banyak kenderaan tanpa bahan bakar digunakan. Selain dari itu ia juga dapat meningkatkan kesihatan warga kota serta menjadi sebahagian daripada mod pengangkutan.